



# Bab 1
# Chapter 1

## Mesyuarat Antara Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar Dengan Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Ke Atas Hal Ehwal Alam Sekitar (MEXCOE)

Mesyuarat antara Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Ke atas Hal Ehwal Alam Sekitar (MEXCOE) telah bersidang sekali sahaja dalam tahun 2004. Mesyuarat MEXCOE kali yang ke 24 ini telah diadakan pada 1 Disember, 2004 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

Mesyuarat telah memaklumkan mengenai pindaan garispanduan pembangunan di kawasan tanah tinggi yang telah diluluskan oleh Kabinet pada 2 September 2004 untuk digunapakai oleh semua Kerajaan Negeri.

Mesyuarat juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu di dalam pengurusan bahan buangan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga agensi-agensi lain yang berkaitan. Di samping itu, mesyuarat turut diberi taklimat oleh wakil Jabatan Alam Sekitar mengenai garispanduan kawalan pencemaran bunyi bising dan gegaran persekitaran.

Ahli-ahli MEXCOE bagi tahun 2004 adalah seperti berikut:-

- **Y.B. Dato' Sri Haji Adenan Satem**
  Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
  - Pengerusi
- **Y.B. Dato' S. Sothinathan**
  Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
- **Y.B. Datuk Chong Kah Kiat**
  Menteri Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah
- **Y.B. Dato' Michael Manyin AK Jawong**
  Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Sarawak
- **Y.B. Dato' Tan Chin Meng**
  Pengerusi, Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Teknologi, Inovasi dan Alam Sekitar, Perak

## Meeting Between the Minister of Natural Resources and Environment with State Ministers and State Executive Councillors Responsible for Environmental Matters (MEXCOE)

The 24th meeting between the Minister of Natural Resources and Environment with State Ministers and State Executive Councillors Responsible for Environmental Matters (MEXCOE) was held on 1 December 2004 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya.

The meeting updated MEXCOE members on the amendments made to the Highland Development Guidelines which were approved by the Cabinet on 2 September 2004 for adoption by all State Governments.

MEXCOE Members were informed of the waste management measures carried out by the Department of Environment and other related agencies and were also briefed on guidelines for monitoring environmental noise and vibrations.

MEXCOE members for 2004 :-

- **Y.B. Dato' Sri Haji Adenan Satem**
  Minister of Natural Resources and Environment
  - Chairman
- **Y.B. Dato' S. Sothinathan**
  Deputy Minister of Natural Resources and Environment
- **Y.B. Datuk Chong Kah Kiat**
  Minister of Tourism Development, Culture and the Environment, Sabah
- **Y.B. Dato' Michael Manyin AK Jawong**
  Minister of Environment and Public Health, Sarawak
- **Y.B. Dato' Tan Chin Meng**
  Chairman of Health, Science, Technology, Innovation and Environment Committee, Perak

- **Y.B. Encik Teng Chang Yeow**
Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Alam Sekitar, Pulau Pinang

- **Y.B. Encik Freddie Long Hoo Hin**
Pengerusi, Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar, Johor

- **Y.B. Dato' Bashah Bin Md Hanipah**
Pengerusi, Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Kedah

- **Y.B. Tuan Haji Azam Bin Rashid**
Pengerusi, Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Alam Sekitar, Perlis

- **Y.B. Datuk Wira Poh Ah Tiam**
Pengerusi, Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Sumber Manusia, Melaka

- **Y.B. Dato' Peter Lai Yit Fee**
Pengerusi, Jawatankuasa Bertindak Sains, Alam Sekitar dan Sumber Manusia, Negeri Sembilan

- **Y.B. Dato' Ch'ng Toh Eng**
Pengerusi, Jawatankuasa Tetap Multimedia, Pembangunan Perkampungan dan Alam Sekitar, Selangor

- **Y.B. Dato' Hoh Khai Mun**
Pengerusi, Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar ,Pahang

- **Y.B. Encik Toh Chin Yaw**
Pengerusi, Jawatankuasa Perpaduan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Terengganu

- **Y. Bhg. Kol. Datuk Mohamad Shaid Bin Mohamad Taufek**
Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- **Y.Bhg. Datuk Haji Ibrahim Bin Haji Jusoh**
Pengarah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan.

- **Y.Bhg. Encik Abidin Bin Arshad**
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

- **Y.B. Encik Teng Chang Yeow**
Chairman of Tourism Development and Environment Committee, Penang

- **Y.B. Encik Freddie Long Hoo Hin**
Chairman of Tourism and Environment Committee, Johor

- **Y.B. Dato' Bashah Bin Md Hanipah**
Chairman of Housing, Local Government and Environment Committee, Kedah

- **Y.B. Tuan Haji Azam Bin Rashid**
Chairman of Tourism, Culture, Arts and Environment Committee, Perlis

- **Y.B. Datuk Wira Poh Ah Tiam**
Chairman of Housing, Local Government, Environment and Transport Committee, Melaka

- **Y.B. Dato' Peter Lai Yit Fee**
Chairman of Science, Environment and Human Resource Action Committee, Negeri Sembilan

- **Y.B. Dato' Ch'ng Toh Eng**
Chairman of Multimedia, Rural Development and Environment Committee, Selangor

- **Y.B. Dato' Hoh Khai Mun**
Chairman of Local Government and Environment Committee, Pahang

- **Y.B. Encik Toh Chin Yaw**
Chairman of Unity, Consumer Affairs and Environment Committee, Terengganu

- **Y. Bhg. Kol. Datuk Mohamad Shaid Bin Mohamad Taufek**
Mayor, City Hall, Kuala Lumpur

- **Y.Bhg. Datuk Haji Ibrahim Bin Haji Jusoh**
Director, Department of Federal Development, Kelantan

- **Y.Bhg. Encik Abidin Bin Arshad**
Chief Executive Officer, Labuan Corporation





# Bab 2
# Chapter 2

# Aktiviti Majlis Kualiti Alam Sekeliling (EQC) bagi Tahun 2004

## Environmental Quality Council (EQC) Activities for Year 2004

Dalam tahun 2004, Majlis Kualiti Alam Sekeliling telah bermesyuarat sebanyak tiga kali:

Mesyuarat Bilangan ke 88 telah diadakan pada 16 Februari 2004
Mesyuarat Bilangan ke 89 telah diadakan pada 10 Ogos 2004 dan
Mesyuarat Bilangan ke 90 telah diadakan pada 2 November 2004.

Semua mesyuarat tersebut telah diadakan di Bilik Cempaka, Aras 6, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya

Majlis juga telah bermesyuarat dengan Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 19 Julai 2004 di Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya.

Ketiga-tiga Mesyuarat EQC yang telah diadakan ini telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Kok Wee Kiat. Beberapa perubahan ahli telah berlaku dalam tahun 2004. Dengan penstrukturan semula Kementerian ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, wakil Kementerian yang baru adalah Y.Bhg. Datuk Dr. Isahak B. Yeop Mohamad Shar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Bermula dari Mesyuarat ke-90, Encik Foo Tew Nam telah menghadiri Mesyuarat mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian menggantikan Encik Lim Eng Siang yang telah bersara. Puan Indon binti Mohd Rashid pula telah menggantikan Puan Normah Sheikh Abdullah mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

EQC merakamkan penghargaan kepada semua atas sumbangan mereka.

Antara kertaskerja yang dibentangkan untuk perhatian EQC dalam tahun 2004 adalah seperti berikut:-

The Environmental Quality Council (EQC) held three meetings in 2004.

88th Meeting held on 16 February 2004
89th Meeting held on 10 August 2004
90th Meeting held on 2 November 2004.

All three meetings were held at the Cempaka Meeting Room, Level 6, Department of Environment Head Office at Putrajaya.

The Council also met with the Minister of Natural Resources and Environment on 19 July 2004 at the Department of Environment, Putrajaya

The EQC Chairman, Y.Bhg Dato' Kok Wee Kiat, chaired all three EQC meetings. There were a number of changes to EQC membership in 2004. Datuk Dr. Isahak B. Yeop Mohamad Shar, the Secretary-General of the new Ministry of Natural Resources and the Environment joined the EQC; Mr. Foo Tew Nam was the new representative of the Secretary-General of the Ministry of Agriculture replacing Mr. Lim Eng Siang who had retired, while Puan Indon Mohd Rashid replaced Puan Normah Sheikh Abdullah as the representative of the Secretary-General of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs.

The Council placed on record its appreciation to all members for their contributions to EQC in 2004.

Among the papers brought to EQC's attention in 2004 were as follows:-

**EQC Paper No. 1/90/2004** by Ministry of Housing and Local Government

- Solid Waste Management Programme in Malaysia

**Kertas EQC Bil.1/90/2004** oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

- Program Pengurusan Sisa Pepejal Di Malaysia

**Kertas EQC Bil.2/90/2004** oleh Jabatan Alam Sekitar
- Laporan Awal mengenai Kajian Semula Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974

**Kertas EQC Bil.3/90/2004** oleh Jabatan Alam Sekitar
- Cadangan Peruntukan-Peruntukan Baru di bawah Pindaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979

**Kertas EQC Bil.4/90/2004** oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Konvensyen-Konvensyen Alam Sekitar yang telah diratifikasikan oleh Malaysia

**Kertas EQC Bil.1/89/2004** oleh Jabatan Alam Sekitar
- Cadangan Peraturan Baru: Draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Petrol dan Diesel) 2004

**Kertas EQC Bil.2/89/2004** oleh Jabatan Alam Sekitar
- Struktur Baru JAS yang diluluskan oleh JPA pada Tahun 2003

**Kertas EQC Bil.3/89/2004** oleh ACCA
- Environmental Reporting Awards 2004

**Kertas EQC Bil.1/88/2004** oleh Jabatan Alam Sekitar
- Cadangan Peraturan Baru: Draf Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kualiti Minyak Petrol dan Diesel Untuk Kenderaan Motor) 2004

**Kertas EQC Bil.2/88/2004** oleh Kementerian Sumber Manusia
- Keselamatan Penggunaan Bahan Kimia di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

**EQC Paper No.2/90/2004** by Department of Environment
- Preliminary Report on Review of Environmental Quality Act, 1974

**EQC Paper No. 3/90/2004** by Department of Environment
- Proposal for New Provisions under Environmental Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulations, 1979

**EQC Paper No. 4/90/2004** by the Ministry of Natural Resources and Environment
- Environmental Conventions Ratified By Malaysia

**EQC Paper No.1/89/2004** by Department of Environment
- Proposal for New Regulations: Draft Environmental Quality (Control of Petrol and Diesel Content) Regulations, 2004

**EQC Paper No. 2/89/2004** by Department of Environment
- New DOE Structure as Approved by JPA for 2003

**EQC Paper No. 3/89/2004** by ACCA
- Environmental Reporting Awards 2004

**EQC Paper No. 1/88/2004** by Department of Environment
- Proposal for New Regulations: Draft Environmental Quality (Control of Petrol and Diesel Quality for Motor Vehicles) Regulations, 2004

**EQC Paper No. 2/88/2004** by Ministry of Human Resources
- Chemical Safety – Occupational Safety and Health Act, 1994

| Majlis Kualiti Alam Sekeliling 2004 / Environmental Quality Council 2004 | |
|---|---|
| Pengerusi EQC<br>EQC Chairman | Y.Bhg Dato' Kok Wee Kiat |
| Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar<br>Secretary-General, Ministry of Natural Resources and Environment | Y.Bhg. Datuk Dr. Isahak B. Yeop Mohamad Shar |
| Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau wakilnya yang diberi kuasa<br>Secretary-General, Ministry of Trade & Industry or his authorized representative | Dr. Ibrahim Abu Bin Ahmad |
| Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau wakilnya yang diberi kuasa<br>Secretary-General, Ministry of Domestic Trade & Consumer Affairs or his authorized representative | Puan Indon Binti Mohd Rashid |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian atau wakilnya yang diberi kuasa<br>Secretary-General, Ministry of Agriculture or his authorized representative | Encik Foo Tew Nam |
| Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia atau wakilnya yang diberi kuasa<br>Secretary-General, Ministry of Human Resources or his authorized representative | Tuan Haji Mohamad Bin Jamil |
| Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan atau wakilnya yang diberi kuasa<br>Secretary-General, Ministry of Transport or his authorized representative | Tuan Haji Zakaria Bin Bahari |
| Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia atau wakilnya yang diberi kuasa<br>Director General, Ministry of Health or his authorized representative | Y. Bhg. Datuk Ir. Dr. Mukundan Sugunan Pillay |
| Wakil Kerajaan Negeri Sabah<br>Representative from the Sabah Government | Y. Bhg. Datuk Monica Chia Mui Foong |
| Wakil Kerajaan Negeri Sarawak<br>Representative from the Sarawak Government | Y. Bhg. Datu Haji Hamzah Bin Haji Drahman |
| Wakil Industri Petroleum<br>Representative from the Petroleum Industry | Encik Iqbal B. Abdullah |
| Wakil Industri Kelapa Sawit<br>Representative from the Oil Palm Industry | Encik Teo Leng |
| Wakil Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia<br>Representative from the Federation of Malaysian Manufacturers | Y. Bhg. Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert |
| Wakil Industri Getah<br>Representative from the Rubber Industry | Encik Lim Sum Teck |
| Wakil Kakitangan Akademik<br>Representative from Academic Staff | Prof. Dr.Muhamad Bin Awang |
| Wakil Pertubuhan yang berpengalaman mengenai alam sekitar<br>Representative from registered Societies knowledgeable and having interest in matters pertaining to the environment | Y. Bhg. Dato' Dr. Salleh Bin Mohd. Nor |
| Wakil Pertubuhan yang berpengalaman berhubung alam sekitar<br>Representative from registered Societies knowledgeable and having interest in matters pertaining to the environment | Ir. Gurmit Singh K.S. |





# Bab 3
# Chapter 3

# Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan
## Management of Human Resources and Financial Management

### Sumber Manusia

Pada tahun 2004, urusan pengisian perjawatan telah diteruskan secara berperingkat-peringkat untuk memenuhi keperluan Jabatan Alam Sekitar pada masa kini dan masa akan datang. Sehingga 31 Disember 2004, jumlah tenaga kerja di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya adalah seramai 286 orang, sementara jumlah tenaga kerja di pejabat-pejabat negeri dan cawangan adalah seramai 856 orang, menjadikan jumlah tenaga kerja Jabatan Alam Sekitar secara keseluruhannya pada 31 Disember 2004 seramai 1,142 orang. (Rajah 3.1)

Dari jumlah ini, tenaga kerja Jabatan Alam Sekitar terdiri daripada 254 (22.2%) orang pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional, 652 (57.1%) orang kakitangan Kumpulan Sokongan I dan 236 (20.7%) orang kakitangan Kumpulan Sokongan II. (Rajah 3.2 & Rajah 3.3)

Ruang pejabat yang terhad menjadi faktor utama proses pengambilan dijalankan secara berperingkat. Namun begitu, pengambilan bagi jawatan Juruteknik Alam Sekitar diberi keutamaan memandangkan kumpulan tenaga kerja ini amat diperlukan untuk membantu Jabatan ini menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pengawasan.

### Peruntukan Kewangan dan Perbelanjaan

Jumlah peruntukan yang diterima bagi tahun 2004 adalah sebanyak RM 102,736,160.00. Daripada jumlah tersebut RM 85,710,160.00 (83.5%) adalah peruntukan untuk perbelanjaan mengurus sementara baki RM 17,026,000.00 (16.5%) merupakan peruntukan perbelanjaan pembangunan. Prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi tahun 2004 masing-masing pada tahap 100% dan 90.5% (Rajah 3.4 dan Rajah 3.5).

### Human Resources

For 2004, new staff recruitment was undertaken in stages to fulfill current and future manpower needs of the Department. As of 31 December 2004, the total number of personnel at DOE was 1,142; 286 at the Headquarters, Putrajaya and 856 at State & Branch Offices (Figure 3.1).

Of this total, 254 (22.2%) were from the Management & Professional Group, 652 (57.1%) from Support I Group and 236 (20.7%) from Support II Group (Figures 3.2 & 3.3).

The recruitment exercise had to be carried out in stages due the limitation of office space. Recruitment of Technicians was given priority as they are essential for enforcement and monitoring work.

### Allocation and Expenditure

DOE received a total budget allocation of RM 102,736,160.00 for 2004. From this amount, a sum of RM 85,710,160.00 (83.5%) was allocated for operational expenditure, while RM 17,026,000 (16.5%) was for development projects. Expenditure performance for the operational and development budgets was 100% and 90.5% respectively (Figures 3.4 & 3.5).




Rajah 3.1 JAS: Taburan Tenaga Kerja Mengikut Bahagian di Ibu Pejabat

Figure 3.1 DOE: Manpower Distribution at DOE Headquarters by Division




Rajah 3.2 JAS: Pecahan Tenaga Kerja Mengikut Kumpulan

Figure 3.2 DOE: Manpower Distribution by Group




Rajah 3.3 JAS: Pecahan Tenaga Kerja Mengikut Negeri

Figure 3.3 DOE: Manpower Distribution by State




Rajah 3.4 JAS : Peruntukan dan Perbelanjaan (Mengurus), 1994-2004

Figure 3.4 DOE : Allocation and Expenditure (Operational), 1994 - 2004




Rajah 3.5 JAS : Peruntukan dan Perbelanjaan (Pembangunan), 1994-2004

Figure 3.5 DOE : Allocation and Expenditure (Development), 1994 - 2004





# Bab 4
## Chapter 4

# Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Dan Input Kepada Perancangan Pembangunan

## Environmental Impact Assessment and Input for Development

Penilaian kesan kepada alam sekeliling (Environmental Impact Assessment-EIA) merupakan satu alat perancangan untuk menggelakkan masalah-masalah akibat tindakan pembangunan. Ianya juga dapat menggelakkan kesilapan kos tinggi semasa projek dilaksanakan serta dapat meminimumkan kos projek.

Di Malaysia, EIA digunakan sebagai alat untuk menggabungkan pertimbangan alam sekitar di dalam perancangan yang mana apabila disepadukan dalam perancangan sedia ada dan dalam proses membuat keputusan akan memberi maklumat tambahan dalam membuat keputusan yang lebih baik.

**Pemprosesan Laporan EIA**

Sebanyak 148 bilangan laporan yang telah diterima pada tahun 2004. Daripada bilangan ini, 131 laporan EIA telah diproses mengikut prosedur penilaian awal EIA dan 17 laporan EIA lagi melalui prosedur terperinci (Rajah 4.1 dan Rajah 4.2). Negeri Johor menerima bilangan laporan EIA tertinggi diikuti dengan Negeri Selangor (Rajah 4.3).

**Lawatan Penguatkuasaan Projek EIA**

Sejumlah 718 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan pada tahun 2004 untuk mengenalpasti status pembangunan dan pematuhan projek-projek EIA berbanding dengan 865 lawatan penguatkuasaan pada tahun 2003 (Rajah 4.4). Daripada lawatan-lawatan tersebut (tahun 2004), sebanyak 242 notis atau surat arahan dan sebanyak 86 kompaun telah dikeluarkan manakala empat (4) kes telah didakwa di mahkamah kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan.

**Input Alam Sekitar Kepada Perancangan Pembangunan**

Pada tahun 2004 sejumlah 112 input alam sekitar berkaitan Penyelarasan Perancangan Pembangunan, Kajian Pelan Spatial Kebangsaan, Polisi Zon Persisiran Pantai Kebangsaan, Pelan Tempatan dan kajian-kajian lain seperti langkah-langkah kawalan banjir, air bawah tanah, permonitoran pulau-pulau dan aktiviti-aktiviti tanah tinggi telah dikemukakan kepada agensi-agensi berkaitan.

**Pendaftaran Juruperunding EIA**

Pada tahun 2004, sebanyak 20 permohonan daripada individu dan satu permohonan dari firma telah di-

Environmental impact assessment (EIA) is essentially a planning tool for preventing environmental problems resulting from development activities. It also seeks to pre-empt costly mistakes in project implementation as well as minimize project costs.

In Malaysia EIA is used as a tool to incorporate environmental considerations into project planning which when integrated into existing planning and decision-making processes provides additional information for better decision-making.

**EIA Reports**

A total of 148 reports were received in 2004. Of this number, 131 reports were preliminary reports while 17 were detailed EIA reports (Figures 4.1 & 4.2). Johor received the highest number of EIA reports, followed by Selangor (Figure 4.3).

**Post EIA Enforcement Visits**

A total of 718 enforcement visits were undertaken in 2004 to monitor the progress of projects and compliance of EIA approval conditions compared to 865 enforcement visits in 2003 (Figure 4.4). Following this, 242 notices and 86 compound notices were served and four (4) cases were charged in court for non-compliance.

**Environmental Input for Development Planning**

In 2004, a total of 112 environmental inputs pertaining to Development Planning Coordination, National Spatial Plan Study, National Coastal Zone Policy, Local Plans and studies related to flood-mitigation measures, ground water, island monitoring and highland development activities were provided to related agencies.

**Registration of EIA Consultants**

In 2004, twenty new applications from individual consultants and one from a consultancy firm were received for registration as EIA consultants. Out of these, ten in-

terima untuk pendaftaran jururunding EIA. Daripada sejumlah permohonan tersebut, 10 individu dan satu firma telah diluluskan untuk pendaftaran. Semenjak skim pendaftaran ini diperkenalkan pada tahun 1991, hingga akhir 2004, sebanyak 323 individu dan 81 firma telah mendaftar sebagai jururunding EIA.

### Penilaian Awal Tapak Projek

Bagi projek-projek pembangunan yang tidak termaktub di bawah Perintah-Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling), 1987, pemaju perlu mengemukakan permohonan kepada JAS bagi penilaian awal tapak (PAT) untuk menentukan kesesuaian tapak projek yang dicadangkan. PAT dapat membantu Jabatan di dalam mengenalpasti isu-isu yang akan timbul dan pemantauan dapat dilaksanakan ke atas sesuatu projek.

Pada tahun 2004 sejumlah 5,666 permohonan telah diterima di mana negeri Johor mencatat permohonan PAT ( 1,388 ) paling tinggi, diikuti oleh negeri Perak (1,115) dan negeri Selangor (951) (Rajah 4.5). Permohonan-permohonan ini dirujukkan kepada Jabatan Alam Sekitar oleh pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah. Input teknikal telah diberikan kepada pihak berkuasa ini bagi memastikan aspek alam sekitar diberikan pertimbangan yang sewajarnya di dalam membuat keputusan.

### Kebenaran Dan Kelulusan Bertulis

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian), 1979 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978 menghendaki supaya kebenaran dan kelulusan bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebelum apa-apa loji rawatan sisa kumbahan dan alat kawalan pencemaran udara dibina. Pada tahun 2004 Jabatan Alam Sekitar telah menerima 476 permohonan bagi pembinaan loji rawatan sisa kumbahan (Rajah 4.6) dan 889 permohonan bagi pemasangan alat kawalan pencemaran udara (Rajah 4.7). Selain daripada peralatan kawalan pencemaran, Jabatan Alam Sekitar juga telah menerima 1,650 permohonan bagi kelulusan bertulis untuk pemasangan alat pembakaran bahan api seperti dandang dan alat janakuasa (Rajah 4.8).

### Sistem Maklumat Geografik (GIS)

Di bawah Rancangan Malaysia Ke–Lapan Seksyen GIS telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa teknologi GIS dapat dimanfaatkan sepenuhnya di Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam menguruskan alam sekitar di Malaysia.

dividuals and one consultancy firm were approved for registration. Since the introduction of the registration scheme in 1991, 323 consultants and 81 consultancy firms had registered as EIA consultants.

### Project Pre-siting Evaluation

In the case of development projects not subjected to the Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 1987, pre-sitting evaluation of proposed site suitability are required to be carried out. The procedure helps to identify potential issues that could arise in the future, besides monitoring of the project's impact on the environment.

In 2004, a total of 5,666 applications were received, with Johor recording the highest number (1,388), followed by Perak (1,115), Selangor (951) and other States (Figure 4.5). These applications were mainly referred to DOE by Local Authorities and Land Offices. Technical environmental inputs were provided for consideration to facilitate decision-making.

### Written Permission and Approval

The Environmental Quality (Sewage and Industrial Effluents) Regulations 1979 and the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978 require that written permissions and approvals be obtained from the Director General of Environmental Quality before construction of wastewater treatment plants and installation of air pollution control systems. In 2004, 476 such applications were received for construction of effluent treatment plants (Figure 4.6) and 889 applications for installation of air pollution control equipment (Figure 4.7). A further 1,650 applications for written approvals for installation of fuel burning equipment such as boilers and generator sets were also processed (Figure 4.8).

### Geographical Information System (GIS)

Under the Eighth Malaysia Plan, the GIS Section (formerly known as GIS Unit) had been given the task to ensure that GIS technology was fully utilized by the Department of Environment (DOE) for environmental management in Malaysia.

Pada tahun 2004, aspek pembangunan data spatial telah diberi penekanan. Lokasi projek-projek EIA dalam bentuk spatial telah siap dibangunkan. Selain itu data asas yang diperolehi dari sumber luar seperti JUPEM, MaCGDi dan agensi-agensi lain telah diperkemaskan bagi memenuhi keperluan dan kegunaan Jabatan Alam Sekitar. Data - data yang telah sedia digunakan telah dibekalkan kepada JAS Negeri.

Mengenai aspek pembangunan personel, latihan asas GIS telah diadakan di EiMAS pada 13 – 15 April 2004. Program taklimat GIS dan latihan hands-on telah dijalankan di tiga JAS Negeri iaitu JAS Perak, JAS Kelantan dan JAS Melaka pada bulan Ogos hingga Oktober. Latihan Hands-On bagi Bahagian – Bahagian di Ibu Pejabat telah diadakan pada bulan Mac dan April.

Sekyen GIS bersama-sama dengan enam JAS Negeri telah menjalankan projek khas GIS pada tahun ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan GIS dalam membantu aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JAS Negeri. Hasil projek-projek yang dijalankan telah dibentangkan di dalam Bengkel Aplikasi GIS yang telah diadakan di EiMAS pada 14 hingga 15 Disember 2004.

Selain dari itu, Seksyen GIS juga bertanggungjawab membekalkan maklumat lokasi titik panas (hotspot) setiap hari bagi tujuan pemantauan pembakaran terbuka. Input yang berkaitan dengan maklumat spatial yang diperlukan oleh Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat, JAS Negeri / Cawangan atau agensi luar telah juga diberikan

**Pusat Khidmat Nasihat MIDA**

Pusat Khidmat Nasihat JAS di MIDA memberi penerangan dan maklumat serta nasihat kepada bakal pelabur dari dalam dan luar negara mengenai keperluan alam sekitar di dalam pembangunan projek industri. Sehubungan dengan itu, sebanyak 115 ulasan bertulis, 20 pertanyaan melalui telefon dan 20 bilangan temujanji telah diterima dalam tahun 2004. Pertanyaan yang diterima adalah berhubung-kait dengan kesesuaian lokasi kedudukan tapak premis, zon penampan, kepakaran juruperunding alam sekitar, polisi kerajaan mengenai sisa buangan dan lain-lain.

In 2004, due emphasis was given to spatial data development as EIA project locations in the form of spatial data were also developed. In addition, basic data sourced from other related agencies such as JUPEM, MaCGDi will be updated from time to time based on DOE's requirements. Existing data had been provided to State DOE Offices.

In relation to personnel development, basic training on GIS was held at EiMAS from13-15 April 2004. GIS briefing and hands-on training programmes were also held at three State DOE Offices (Perak, Kelantan and Malacca) from August to October 2004, while hands-on training for the Head Office staff was held between March and April 2004.

In 2004, the GIS Section in collaboration with 6 State DOE Offices conducted a GIS special project aimed at promoting wider usage of GIS for activities undertaken by State Offices. Output was presented at the GIS Application Workshop held at EiMAS from 14- 15 December 2004.

The GIS Section was also responsible for supplying daily information on hotspot locations for purposes of monitoring open burning. Inputs related to spatial data information were also relayed to various users within the Head Office, State Offices/Branches or external agencies upon request.

**DOE/MIDA Advisory Services Desk**

The DOE Advisory Services Desk at the Head Office of the Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) serves to provide environmental information and advice to prospective local and foreign investors. In 2004, 115 written comments were submitted to MIDA, 20 telephone enquires were attended to and 20 meetings with investors were held. Most of the enquiries received pertained to project site suitability, buffer zone distances, expertise on environmental consultancy and government policy on waste management.




Rajah 4.1 JAS : Bilangan dan Jenis Laporan EIA Diterima, 1988 –2004

Figure 4.1 DOE: Number and Type of EIA Reports Received, 1988–2004




Rajah 4.2 JAS: Bilangan Laporan EIA Yang Diterima, 1988–2004

Figure 4.2 DOE : Number of EIA Reports Received, 1988–2004




Rajah 4.3 JAS : Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Negeri, 1988 - 2004

Figure 4.3 DOE : Number of EIA Reports Received by State, 1988 - 2004




Rajah 4.4 JAS : Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Aktiviti, 1988 - 2004

Figure 4.4 DOE: Number of EIA Reports Received by Prescribed Activities, 1988-2004




Rajah 4.5 JAS : Penilaian Awal Tapak Untuk Pembangunan Projek-Projek Mengikut Negeri, 2004

Figure 4.5 DOE : Pre-Siting Evaluation of Development Projects by State, 2004




Rajah 4.6 JAS: Permohonan Bagi Kebenaran Bertulis Untuk Pembinaan Kemudahan Pengolahan Efluen Mengikut Negeri, 2004

Figure 4.6 DOE : Application for Construction of Waste Water Treatment Plants by State, 2004




Rajah 4.7 JAS : Permohonan Bagi Pemasangan Alat Kawalan Pencemaran Udara Mengikut Negeri, 2004
Figure 4.7 DOE: Application for Installation of Air Pollution Control Equipment by State, 2004




Rajah 4.8 JAS : Permohonan Bagi Pemasangan Alat Pembakaran Bahan Api Mengikut Negeri, 2004
Figure 4.8 DOE: Application for Installation of Fuel Burning Equipment by State, 2004



Gambarfoto 4.1 JAS: Lawatan Penguatkuasaan Tapak (Kuari)
Photo 4.1 DOE : Enforcement Site Visit (Quarry)



Gambarfoto 4.2 JAS: Menanam Penutup Bumi Sebagai Kaedah Mencegah Hakisan Tanah di Lereng Bukit
Photo 4.2 DOE: Cover Crop as a Soil Erosion Prevention Technique



Gambarfoto 4.3 JAS: Sistem Perparitan untuk Mencegah Hakisan Kawasan Cerun
Photo 4.3 DOE : Drainage System for Slope Protection



Gambarfoto 4.4 JAS: Kolam Perangkap Mendap
Photo 4.4 DOE: Pond Sediment Trap





# Bab 5
# Chapter 5

# Pengawasan Kualiti Udara

## Air Quality Monitoring

Pengawasan kualiti udara dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) secara berterusan menerusi 51 buah stesen pengawasan di seluruh Negara bagi memantau sebarang perubahan ketara kepada status kualiti udara yang mungkin memberi kesan kepada kesihatan awam dan alam sekitar. Stesen-stesen pengawasan kualiti udara ditempatkan di lokasi-lokasi strategik (**Peta 5.1 dan 5.2**) bagi memenuhi objektif program pengawasan yang spesifik. Kebanyakan stesen ditempatkan di kawasan perumahan bagi menentupasti tahap pendedahan pencemar udara kepada penduduk dan selebihnya ditempatkan di dalam kawasan industri.

Rangkaian stesen pengawasan kualiti udara kebangsaan ini turut dilengkapi dengan stesen-stesen pengawasan kualiti udara manual yang ditempatkan di 25 buah lokasi yang berbeza. Pengawasan di stesen-stesen manual melibatkan parameter-parameter seperti pepejal terampai, habuk halus di bawah saiz 10 mikron ($PM_{10}$) dan beberapa jenis logam berat termasuk plumbum yang dipantau sekali bagi tempoh enam hari menggunakan alat "High Volume Samplers".

### Status Kualiti Udara Bagi 2004

Status kualiti udara bagi tahun 2004 secara keseluruhannya mencatatkan sedikit kemerosotan berbanding tahun sebelumnya. Kualiti udara pada tahap tidak sihat telah dicatatkan di beberapa kawasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka. Status kualiti udara pada tahap tidak sihat yang dicatatkan di Lembah Klang meliputi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor serta di Negeri Sembilan pada kebanyakan masanya adalah disebabkan oleh peningkatan kepada kepekatan pencemar ozon ($O_3$) yang tinggi. Sementara itu, status kualiti udara pada tahap tidak sihat yang dicatatkan di lain-lain negeri kebanyakannya disebabkan oleh kepekatan habuk halus di bawah saiz 10 mikron ($PM_{10}$) yang tinggi.

Dalam tahun 2004, Malaysia telah mengalami beberapa episod singkat jerebu tahap sederhana pada bulan Jun, Ogos dan September akibat dari pencemaran merentas sempadan. Kebakaran tanah dan hutan yang berlaku di beberapa wilayah di Sumatra seperti yang dilaporkan oleh "ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)" dengan pengaruh angin monsun barat daya menyumbang kepada episod kemerosotan kualiti

The Department of Environment continuously monitors ambient air quality throughout the country at 51 locations to detect any significant change which may cause harm to human health and the environment. These monitoring stations are strategically located **(Maps 5.1 and 5.2)** to meet specific monitoring objectives. Most stations are located in residential areas to facilitate determination of population exposure level to air pollution, while the rest are located within industrial areas.

The National Air Quality Monitoring Network is also complemented by manual air quality monitoring stations located at 25 different sites. At these sites, total suspended particulate, particulate matter ($PM_{10}$) and several heavy metals including lead are measured at intervals of six days using High Volume Samplers.

### Air Quality Status in 2004

The overall air quality status in 2004 deteriorated slightly compared to the previous year. Unhealthy air quality days were recorded at various locations in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Penang, Perak, Negeri Sembilan and Melaka. Unhealthy air quality days recorded in the Klang Valley (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur and Selangor) and Negeri Sembilan were mainly attributed to high concentrations of ground level ozone. The unhealthy air quality recorded in other parts of the country in 2004 was mainly due to high levels of $PM_{10}$.

In 2004, Malaysia experienced a short period of slight to moderate haze in the months of June, August and September, mainly due to transboundary pollution. The land and forest fires in several provinces in Sumatra as reported by the ASEAN Specialised Meteorological Center (ASMC), and the direct influence of the south-westerly winds contributed to the deterioration of air quality in the west coast of Peninsular Malaysia. The

udara di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Di samping itu, kebakaran yang berlaku di Kalimantan dan pengaruh angin monsun barat daya telah menyebabkan keadaan sedikit berjerebu di bahagian selatan negeri Sarawak. Tiada episod lain pencemaran udara yang serius dicatatkan pada tahun 2004. Habuk halus di bawah saiz 10 mikron ($PM_{10}$) dan ozon ($O_3$) masih merupakan pencemar udara utama yang dikesan di seluruh Negara.

fires in Kalimantan and the south-westerly winds gave rise to hazy conditions in the southern part of Sarawak. No other serious air pollution episodes were recorded throughout 2004. Particulate matter ($PM_{10}$) and ground level ozone remained the prevailing air pollutants in the country.




Peta 5.1 Malaysia: Lokasi Stesen Pengawasan Udara Automatik, Semenanjung Malaysia, 2004

Map 5.1 Malaysia: Location of Continuous Air Quality Monitoring Stations, Penisular Malaysia, 2004




Peta 5.2 Sabah dan Sarawak: Lokasi Stesen Pengawasan Udara Automatik, Malaysia Timur, 2004/
Map 5.2 Sabah and Sarawak : Location of Continuous Air Quality Monitoring Stations, East Malaysia, 2004



Gambarfoto 5.1 JAS: Peralatan untuk Analisis Pencemaran Udara di Stesen Pemantauan
Photo 5.1 DOE : Air Pollution Analytical Instruments at Monitoring Station



Gambarfoto 5.2 JAS: Stesen Pemantauan Kualiti Udara Automatik
Photo 5.2 DOE : Automatic Air Quality Monitoring Station



Gambarfoto 5.3 JAS: Pembakaran Terbuka Di Kawasan Pembinaan
Photo 5.3 DOE : Open Burning at Construction Site



Gambarfoto 5.4 JAS: Pengawasan Udara Ke Atas Pelepasan Asap Hitam dari Industri
Photo 5.4 DOE: Aerial Surveillance of Black Smoke Emissions from Industry



Gambarfoto 5.5 JAS: Pelepasan Pencemaran Udara dari Industri
Photo 5.5 DOE : Air Pollution from Industry

# Pengawasan Bunyi Bising

## Noise Monitoring

### Garispanduan Bunyi Bising

Pada tahun 2004, Jabatan Alam Sekitar telah menerbitkan tiga set garis panduan had bunyi bising yang boleh diterima untuk pelbagai kategori kegunaan kawasan dan aktiviti-aktiviti penduduk. **The Planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control** menggariskan kriteria bunyi bising yang boleh diterima untuk penilaian kuantitatif bunyi bising dalam menentukan kacauganggu atau lain-lain. **The Guidelines for Noise Labelling and Emission Limits of Outdoor Sources** menetapkan metodologi yang komprehensif bagi pengukuran dan pelaporan bunyi bising dari punca-punca luar. **The Planning Guidelines for Vibration Limits and Control** menggariskan kriteria getaran yang boleh diterima untuk penilaian kuantitatif getaran.

Garispanduan tersebut di atas, bertujuan memberi panduan kepada perancang projek dan pembuat keputusan di peringkat negeri dan tempatan termasuk organisasi dan agensi yang terlibat atau bertanggungjawab dalam merekabentuk dan kelulusan perancangan bandar, pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Ini akan dapat mengurangkan impak-impak yang berpotensi memberi kesan kesihatan kepada orang awam atau yang menyebabkan kerunsingan atau kacauganggu. Garispanduan tersebut telah diedarkan untuk agensi-agensi negeri melalui JAS negeri.

### Pengawasan bunyi bising ambient

Pada tahun 2004, pengukuran paras bunyi ambien tertumpu kepada pelbagai kategori kegunaan kawasan seperti perindustrian (3 stesen), trafik jalanraya/lebuhraya (2 stesen), lapangan terbang (1 stesen), kuari (1 stesen), janakuasa (1 stesen), tapak pembinaan (1 stesen) dan kawasan komersial (3 stesen) (Jadual 5.1).

Paras bunyi bising yang diukur dibandingkan dengan nilai-nilai yang disyorkan di dalam **The Planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control** terbitan Jabatan Alam Sekitar (Jadual 5.2). Dari pengukuran bunyi bising yang telah dijalankan, didapati bahawa kebanyakan kawasan mencatatkan bacaan paras bunyi bising melebihi nilai-nilai dalam garispanduan terutamanya bagi kawasan yang berdekatan trafik (lebuhraya/jalanraya) dan kawasan perindustrian.

### Noise Guidelines

In 2004, The Department of Environment published three sets of guidelines on acceptable noise limits for various categories of land use and human activities. The **Planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control** provide noise acceptance criteria for quantitative assessment of noise to define whether it is a disturbance or otherwise. **The Guidelines for Noise Labelling and Emission Limits of Outdoor Sources** prescribe a comprehensive methodology to measure and report noise emission from outdoor sources. The **Planning Guidelines for Vibration Limits and Control** provide vibration acceptance criteria for quantitative assessment of vibration.

These documents are intended to serve as a useful guide for planners and decision makers at State and local levels including organisations and agencies involved or having responsibilities in designing and approval of town planning, infrastructure development, etc. This will help to reduce the potential impact of noise affecting public health or causing annoyance or disturbance. These documents have been distributed to all State Agencies through DOE State Offices.

### Ambient Noise Monitoring

In 2004, the ambient noise monitoring program was focused at different categories of land use such as industrial (3 stations), road/highway traffic (2 stations), airport (1 station), quarry (1 station), power plant (1 station), construction site (1 station) and commercial areas (3 stations) (Table 5.1).

Noise levels obtained were assessed against the values recommended by the Guidelines shown in Table 5.2. From the measurements carried out, it was found that most areas recorded noise levels exceeding the guideline values, especially for areas close to road/highway traffic and industrial areas.

Jadual 5.1 JAS: Lokasi Persekitaran Pengawasan Bunyi Bising, 2004/
Table 5.1 DOE : Location of Ambient Noise Monitoring, 2004

| LOKASI PERSAMPELAN/ SAMPLING LOCATION | PUNCA BUNYI/ NOISE SOURCES | KATEGORI GUNA TANAH/ LAND USE CATEGORY |
|---|---|---|
| Taman Desa Flora, Senawang, Negeri Sembilan. | Industri/ Industries | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Bukit Chedang, Seremban, Negeri Sembilan | Trafik (Lebuhraya)/ Traffic (Highway) | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Taman NLFCS, Port Dickson, Negeri Sembilan | Janakuasa/ Power | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Jalan Dato Mohd Sidin, Klang, Selangor | Industri/ Industry (Steel) | Kediaman Luar Bandar/ Suburban Residential |
| Salak Tinggi, Selangor | Trafik (Lapangan Terbang) Traffic (Airport) | Kediaman Luar Bandar/ Suburban Residential |
| Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur | Trafik (Jalanraya)/ Traffic (Road) | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Putra Height, USJ | Kawasan Lombong Lama Old Mining Area | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Tmn Eng Ann, Klang | Industri (Logam)/ Industry (Steel) | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Seksyen 7, Shah Alam | Komersial/ Commercial | Komersial / Commercial |
| Taman Sri Andalas, Klang | Komersial/ Commercial | Komersial/ Commercial |
| Presint 8, Putrajaya | Pembinaan/ Construction | Kediaman Bandar/ Urban Residential |
| Presint 11, Putrajaya | Kediaman dan Institusi/ Residential and Institution | Kepadatan Kediaman Rendah/ Low Density Residential |

Jadual 5.2 JAS : Takat Bunyi ($L_{Aeq}$) Maksimum yang Dibenarkan Mengikut Guna Tanah untuk Pelan dan Pembangunan Baru / Table 5.2 DOE: Maximum Permissible Sound Level ($L_{Aeq}$) by Land Use for Planning and New Development

| Kategori Guna Tanah/ Land Use Category | Waktu Siang/ Day 7.00 am - 10.00 pm | Waktu Malam/ Night 10.00 pm - 7.00 am |
|---|---|---|
| Kawasan Sensitif Bunyi/ Noise Sensitive Area, Kurang Kepadatan Kediaman, Institusi (Sekolah, Hospital), Kawasan Keagamaan/ Low Density Residential, Institution (School, Hospital), Worship Area | 50 dB (A) | 40 dB (A) |
| Kediaman Pinggiran Bandar (Kepadatan Sederhana), Kawasan Awam, Taman, Kawasan Rekreasi/ Suburban Residential (Medium Density) Area, Public Spaces, Parks, Recreational Area | 55 dB (A) | 45 dB (A) |
| Kediaman Bandar (Kepadatan Tinggi), Pembangunan (Kediaman – Komersial) / Urban Residential (High Density Area), Designated Mixed Development Area (Residential - Commercial) | 60 dB (A) | 50 dB (A) |
| Zon Perniagaan Komersial/ Commercial Business Zone | 65 dB (A) | 55 dB (A) |
| Zon Industri/ Designated Industrial Zone | 70 dB (A) | 60 dB (A) |

# Protokol Montreal kepada Perlindungan Lapisan Ozon

## Montreal Protocol for the Protection of the Ozone Layer

Di bawah Program Kebangsaan Penghapusan Klorofluorokarbon (CFC) (NCFCP) 2002-2010, Malaysia adalah komited untuk mengurangkan baki penggunaan CFC bagi sektor pembuatan dan servis menjelang tahun 2010. Terdapat enam program utama yang telah dan sedang dijalankan di bawah NCFCP: Promosi Kesedaran Produk Bebas CFC-Metered Dose Inhalers (MDIs) bagi pesakit asma; Program Latihan Kastam-ODS; Program MAC Pemeriksaan; dan Servis Pendingin Udara Kenderaan, Projek Penghapusan Penggunaan CFC Sektor Foam dan Solven dan Program Servis Sektor Pendingin (RSS). Strategi pelaksanaan program ini merangkumi promosi dan kesedaran; kawalan import CFC menerusi Permit Permohonan (AP); bantuan teknikal dan latihan; bantuan subsidi dan penguatkuasaan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sepanjang tahun 2004, 2,885 projek/aktiviti di bawah NCFCP telah dilaksanakan (Jadual 5.3) dan telah berjaya mengurangkan penggunaan 185 MT CFC di negara. Sebanyak 343 premis sektor foam, solven, aerosol dan bengkel servis pendingin udara kenderaan telah dilawat (Jadual 5.4). Pada tahun 2004 juga, Jabatan telah menghadiri beberapa mesyuarat mengenai Protokol Montreal di dalam dan di luar negara (Jadual 5.5). Kesedaran dipromosikan menerusi latihan, seminar dan dialog untuk 'end user' dan orang awam (Jadual 5.6).

Under the National Chlorofluorocarbon (CFC) Phase-out Plan (NCFCP) 2002-2010, the Malaysian Government is committed to reduce the use of CFC in the manufacturing and servicing sector by the year 2010. Six main programmes have being carried out under the NCFCP, namely the CFC Free Metered Dose Inhalers (MDIs) Awareness Programme for Asthma Patients; Custom-ODS Training Programme; MAC Vehicle Inspection; and Air-cond Servicing Programme; CFC Phase-Out Programme for Foam and Solvent Projects and Refrigerant Service Sector (RSS). The strategies adopted include awareness and promotion campaigns; CFC import control through Application Permit (AP) system; technical assistance and training; subsidies and enforcement of regulations for controlling CFC under the Environmental Quality Act 1974.

